

“
KEBETULAN
PADA TARIKH
PROGRAM,
SEORANG
PENDUDUK
MENJEMPUT
KAMI
MEMERIAHKAN
MAJLIS
AKIKAH
CICITNYA
JUSTERU,
SEBAHAGIAN
SISWI
DIGERAKKAN
UNTUK
MEMBANTU
MAJLIS
BERKENAAN”

Muhamad Khairin
Hairul Nizam,
Pegawai Program Santai
Mahabbah De Jelebu



Peserta merasai pengalaman rewang menyediakan hidangan majlis akikah.

Rewang

erat hubungan
pelajar, komuniti

FAKTA NOMBOR

23
pelajar

yang menyertai program Santai Mahabbah De Jelebu 2015

Masjid Kariah Tanjung Bunga sejak awal pagi lagi.

“Selesai taklimat, aktiviti sukaneka membuka tirai program dengan tema permainan tradisional menjadi pilihan. Aktiviti menggabungkan peserta dan penduduk kampung dalam satu pasukan.

Gelak tawa

“Suasana menjadi meriah dan riuh-rendah dengan gelak tawa peserta yang bermain sepak takraw, rebut kerusi, teka-teki, boling kelapa dan berjalan menggunakan tempurung,” kata pelajar Fakulti Ekonomi dan Muamalat itu.

Bagi pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Nur Anis Solehah Zainal, sebahagian peserta wanita memperoleh pengalaman berbeza apabila berpeluang menikmati suasana rewang bagi majlis akikah.

“Kebetulan pada tarikh program, seorang penduduk menjemput kami memeriahkan majlis akikah cicitnya justeru, sebahagian siswi digerakkan untuk membantu majlis berkenaan.

“Memang seronok merasai pengalaman rewang bersama-sama penduduk kampung bagi menyiapkan pelbagai hidangan seperti kambing masak hitam, ayam masak merah dan ulam-ulaman.

“Program ini memberi peluang kami mempelajari loghat dan menikmati keunikan merasai adat penduduk Negeri Sembilan,” katanya.

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.m

► Jelebu

Mahabbah De Jelebu 2015.

Program disertai 23 pelajar kursus kokurikulum Debat Bahasa Melayu di bawah Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM.

Pengarah program, Muhamad Khairin Hairul Nizam, berkata perjalanan dua jam menaiki bas dari kampus USIM bagaikan tidak terasa kerana kehijauan alam semula jadi dan suasana keindahan desa menjadi peneman sepanjang perjalanan.

Sebaik tiba di Kampung Tembung, katanya, mereka disambut ceria penduduk kampung yang setia menunggu di



Acara rebut kerusi melibatkan kanak-kanak.



Peserta program Santai Mahabbah De Jelebu 2015 bergambar bersama-sama penduduk kampung.